



KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk/Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Harga Dokumen	Tarikh Tutup
Kerja-Kerja Reka Bentuk Dalam Rumah Contoh Rossa (Rumah Teres 2 Tingkat), Taman Ilmu Fasa 8 (4), Jalan Ilmu, Mukim 9, Nibong Tebal, Pulau Pinang Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/PEMASARAN/2023/04	a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan CIDB	RM30.00 Boleh dibeli pada tarikh seperti berikut: 23hb. Mac, 2023 sehingga 11hb. April, 2023	12hb. April, 2023 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

- 2) Penyebut harga yang berminat **DIGALAKKAN** menghadiri lawatan ke premis/tapak seperti berikut:-

Tarikh : **29hb. Mac, 2023 (Rabu)**

Masa : **1.00 tengah hari**

Tempat : **Rumah Contoh Teres 2 Tingkat (ROSSA) Taman Ilmu, Nibong Tebal, Pulau Pinang**

- 3) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di:-

Bahagian Kontrak

JKP Sdn. Bhd.

Tingkat 14, Menara JKP,

No. 128, Jalan Macalister,

10400 Pulau Pinang.

pada waktu berikut:-

Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 tgh

: 2.00 ptg - 4.00 ptg

Jumaat : 9.00 pg - 12.00 tgh

: 2.45 ptg - 4.00 ptg

- 4) Penyebut harga mesti membawa **salinan Sijil ASAL (ORIGINAL)** semua Dokumen seperti yang **disyaratkan di dalam jadual** berserta **Sijil Taraf Bumiputera** (jika ada) **yang lengkap dan masih dalam tempoh sah laku** serta sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga.
- 5) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk *Money Order / Postal Order* atau Bank Deraf Berpalang atas nama "**JKP Sdn. Bhd.**". Pembayaran secara **wang tunai tidak akan diterima**. Bayaran dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.
- 6) Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri (sealed)** dan **bertanda Nombor Sampul, Nombor Sebut Harga JKP/Q/PEMASARAN/2023/04** serta **Tajuk Sebut Harga**.
- 7) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 8) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.